

Hubungi Kami



Mendapati anak anda telah didera secara seksual merupakan suatu pengalaman yang traumatik.

Anda mungkin merasa keliru, marah dan tidak berdaya. Memang tidak mudah menghadapi perkara ini dan pada masa yang sama menyokong anak anda.

Apa yang boleh anda lakukan untuk anak anda?

- Fahami yang perasaan anak anda mungkin bercampur baur tentang perkara yang telah berlaku keatasnya.
- Sentiasa ingatkan anak anda bahawa apa yang berlaku bukan salahnya.
- Berikan ruang kepada anak anda untuk meluahkan perasaan dan kebimbangannya.
- Pantau tingkah laku anak anda dan dapatkan bantuan jika perlu.

Pusat Kesedaran Wanita (WCC)

📍 241, Jalan Burma,
10350 Pulau Pinang.

☎ 04 228 0342

📞 011 3108 4001

✉ wcc@wccpenang.org

Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)

📍 13, Lorong Sutera 6, Taman Sutera,
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.

☎ 04 398 8340

📞 016 439 0698

✉ ppw@wccpenang.org

🌐 www.wccpenang.org

📱 WCC Penang

Pusat Kesedaran Wanita Penang (WCC) adalah sebuah organisasi bukan berkeuntungan untuk membendung keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, memperkasakan mereka serta mempertingkatkan kesamarataan gender dan keadilan sosial.

Apa yang perlu saya buat selepas anak saya beritahu?



Mengendali
Pendedahan
Penderaan
Seksual
Kanak-kanak



Tajaan



MMK
Pembangunan
Wanita, Keluarga
dan komuniti

Tindakan yang perlu anda ambil

Polis

Anda atau anak anda dikehendaki membuat laporan polis mengenai kejadian penderaan seksual yang berlaku supaya pihak polis boleh menjalankan siasatan.



Hospital

Anak anda akan diperiksa di dalam bilik khas (One Stop Crisis Centre – OSCC) di Jabatan Kecemasan & Trauma hospital kerajaan. Hasil pemeriksaan akan digunakan oleh pihak polis dalam proses siasatan.



Bantuan WCC

Perkhidmatan kami adalah percuma dan sulit

Sokongan Emosi

WCC menyediakan kaunseling secara percuma dan sulit kepada anda dan anak anda.



Play Therapy

WCC mungkin merujuk anak anda untuk *play therapy* bagi membantu anak anda sembuh daripada traumanya.



Maklumat berkaitan Sistem Keadilan Jenayah

WCC akan memberikan maklumat yang penting berkenaan hak dan prosedur mengenai kes anak anda.



Tindakan Susulan dengan Agensi

WCC akan membantu berhubung dengan agensi kerajaan yang terlibat untuk tindakan susulan. Contohnya, dengan pihak polis berkaitan status kes atau dengan mahkamah berkenaan tarikh perbicaraan.



Sokongan di Mahkamah

- WCC akan menyusun satu pertemuan untuk taklimat pra-perbicaraan dengan timbalan pendakwa raya.
- Kakitangan WCC akan menemani anda dan anak anda di mahkamah jika anda atau anak anda dikehendaki memberikan keterangan.

